

## Paus terbesar di dunia mati terdampar di utara Perancis

**CALAIS** - Pakar haiwan di Perancis berkata pada Ahad, mereka sedang bersiap untuk menjalankan bedah siasat ke atas seekor ikan paus sepanjang 19 meter yang mati selepas terdampar di pelabuhan utara Calais.

Ikan paus jenis '*fin whale*' seberat kira-kira 15 tan itu, terdampar sendiri selepas mengalami kecederaan. Ini fenomena yang jarang berlaku di kawasan tersebut.

"Ia adalah paus betina, berumur

kira-kira 30 tahun, yang terkandas pada Sabtu," kata Jacky Karpouzopoulos dari kumpulan perlindungan haiwan *CMNF* kepada AFP.

"Haiwan itu sakit tetapi ia sampai ke pelabuhan Calais dalam keadaan masih hidup, kemudian ia bergerak terlalu dekat dengan kawasan batu-batu lalu terkandas."

Karpouzopoulos berkata, ikan paus itu akan ditarik ke kawasan di mana mereka boleh menjalankan

bedah siasat pada Selasa.

Ikan paus jenis '*fin whale*' adalah spesies mamalia kedua terbesar di dunia selepas paus biru, disenaraikan sebagai hampir terancam oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi.

Beberapa spesies ikan paus hidup di perairan sekitar Perancis.

Awal tahun ini, seekor ikan paus kelasa (*humpback whale*) ditemui terdampar di pantai di selatan Mediterranean Perancis. - Agensi



Seorang lelaki berdiri di sebelah seekor paus '*fin whale*' yang mati terdampar di Calais, Perancis. - AFP